

BAB 5:PERATURAN PEPERIKSAAN

5.1 Arahan Dan Amaran

- 5.1.1. Guru yang mengawasi peperiksaan hendaklah memastikan semua arahan dan amaran berikut mendapat perhatian calon.Semua calon dinasihati supaya membaca dan mematuhi semua arahan dan amaran yang disenaraikan.

5.2 Arahan Am kepada Calon

- 5.2.1. Semua calon dikehendaki berada di dewan peperiksaan 10 minit sebelum kertas peperiksaan bermula.
- 5.2.2. Calon yang lewat perlu memberikan sebab yang munasabah kepada Penolong Kanan/Penolong Kanan HEM.
- 5.2.3. Sekiranya kertas soalan yang diberikan berlainan daripada mata pelajaran yang diambil atau calon menerima kertas soalan yang tidak lengkap,calon hendaklah melaporkan hal ini kepada guru pengawas dengan serta-merta.
- 5.2.4. Calon hendaklah membaca semua arahan pada kertas soalan itu dengan teliti sebelum mula menjawab.
- 5.2.5. Calon dikehendaki menggunakan kedua-dua belah kertas jawapan melainkan jika arahan pada kertas soalan itu menegah calon berbuat demikian.
- 5.2.6. Mulakan baris yang baru bagi setiap bahagian soalan.
- 5.2.7. Pen berdakwat hitam atau biru sahaja boleh digunakan supaya mudah dibaca oleh pemeriksa.Pen mata bulat dari jenis yang baik juga boleh digunakan.Untuk melukis gambarajah dan peta, pensel atau pen dakwat berwarna boleh digunakan.
- 5.2.8. Calon hendaklah membawa alat-alat geometri dan alat-alat melukis bagi mata pelajaran yang memerlukannya.Calon dilarang berkongsi alat.
- 5.2.9. Apabila tiba masa tamat peperiksaan,semua calon dikehendaki berhenti menulis.Semua kertas jawapan hendaklah disusun mengikut susunan yang betul>Nama calon,kelas,angka giliran,nombor kad pengenalan,tarikh dan mata pelajaran yang diambil hendaklah ditulis pada setiap helai kertas jawapan.Semua kertas jawapan hendaklah diikat dengan kemas pada sudut kiri sebelah atas.Semua calon dikehendaki duduk di tempat masing-masing di dewan peperiksaan hingga guru pengawas selesai mengutip semua kertas jawapan calon.

5.3 Amaran kepada Calon

- 5.3.1. Calon dilarang mendedahkan kertas jawapan hingga boleh dibaca oleh calon lain.
- 5.3.2. Calon dilarang meniru atau memberi peluang meniru kepada calon lain.
- 5.3.3. Calon dilarang memberi atau mendapat pertolongan atau melakukan sebarang perbuatan yang tidak jujur.

- 5.3.4. Calon dilarang berhubung dengan orang lain di dalam atau di luar dewan peperiksaan semasa peperiksaan sedang berlangsung.
- 5.3.5. Calon dilarang membuat bising atau bercakap-cakap semasa berada dalam dewan peperiksaan.
- 5.3.6. Sebarang buku, nota catatan atau sebarang kertas termasuk Jadual Waktu Peperiksaan tidak dibenarkan dibawa ke dewan peperiksaan. Hanya alat-alat yang dibenarkan untuk kegunaan peperiksaan boleh dibawa masuk ke dalam dewan peperiksaan.
- 5.3.7. Selepas tamat peperiksaan, semua kertas conteng hendaklah dibuang ke dalam tong sampah. Calon dilarang membawa sebarang kertas jawapan yang belum digunakan keluar daripada dewan peperiksaan.
- 5.3.8. Elakkan daripada mengganggu ketenteraman dan melakukan kekacauan semasa peperiksaan sedang berlangsung.
- 5.3.9. Calon yang tidak hadir semasa peperiksaan atas sebab-sebab kesihatan tertentu hendaklah membawa sijil sakit yang telah disahkan oleh Pengetua kepada Guru Tingkatan. Calon yang gagal berbuat demikian akan diberi '0' markah bagi kertas soalan yang tidak diduduki.
- 5.3.10. Calon yang melanggar mana-mana amaran di atas akan dikenakan tindakan seperti berikut:-
 - a. Disingkir daripada mengambil peperiksaan
 - b. Tidak dibenarkan untuk meneruskan peperiksaan bagi kertas-kertas selanjutnya.
 - c. Dibatalkan keputusan mata pelajaran atau keseluruhan keputusan peperiksaan.